

MAHATHIR - BUMIPUTERA 'R' 'R' 'R

1983
KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA)--DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA USAHAWAN BUMIPUTERA MEMPASTIKAN MEREKA AKAN MEMPEROLEHI FAEDAH PEMINDAHAN TEKNOLOGI DALAM SETIAP PROJEK USAHASAMA.

INI HANYA DAPAT DICAPAI MELALUI PENYERTAAN SEPENUHNYA DALAM SEMUA ASPEK PROJEK BERKENAAN DARI PERINGKAT PENGURUSAN HINGGA PERINGKAT BAWAH SEKALI, KATANYA.

ASPEK KEUTUNGAN TIDAK HARUS DIJADIKAN SEBAGAI PERHITUNGAN UTAMA, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MELANCARKAN TAMAN SHAMELIN PERKASA DI SINI.

PROJEK BERTERANGA \$500 JUTA ITU DI BANGUNKAN OLEH SYARIKAT KIMALI CONSTRUCTIONS, SEBUAH SYARIKAT USAHASAMA ANTARA KOPERASI SHAMELIN DENGAN HYUNDAI ENGINEERING DARI KOREA SELATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENEKANKAN BAHAWA TIDAK ADA MAKNA SEBARANG PROJEK USAHASAMA ANTARA USAHAWAN BUMIPUTERA DENGAN USAHAWAN ASING JIKA SEGALA PEKERJAAN DILAKSANAKAN OLEH RAKAN PERKONGSIAN LUAR NEGERI ITU. --LAGI 1313/MD

MAHATHIR - BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R

IMPLIKASI PERKONGSIAN SEUMPAMA ITU SAMALAH SEPERTI PROJEK +ALI-BABA+ YANG LAIN, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MAHU SHAMELIN, SEBAGAI SEBUAH KOPERASI BUMIPUTERA MENUNJUKKAN CONTOH TELADAN KEPADA INDUSTRI BUMIPUTERA YANG LAIN BAHAWA IA MAMPU MENGAMBIL BAHAGIAN CERGAS DALAM PROJEK USAHASAMA RAKSAKSA YANG DILANCARKAN ITU.

IA HARUS MEMPASTIKAN BAHAWA BUMIPUTERA BUKAN SAHAJA MENDUDUKI JAWATAN PENGURUSAN DALAM PROJEK ITU TETAPI MENGAMBIL BAHAGIAN CERGAS DALAM BIDANG LAIN SEPERTI KEJURUTERAAN, HINGGA KEPADA PEKERJAAN PEMBINAAN.

+SAYA SENDIRI AKAN MELAWAT PADA BILA-BILA MASA UNTUK MENYAKSIKAN SENDIRI MATLAMAT INI DICAPAI,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN HANYA DENGAN PENYERTAAN MENYELURUH TERSEBUT BUMIPUTERA AKAN DAPAT DAPAT MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN MASING-MASING.

MENURUT PERDANA MENTERI, BIDANG YANG MASIH MENJEJASKAN KEMAJUAN BUMIPUTERA DI BIDANG PERDAGANGAN DAN INDUSTRI INI IALAH KELEMAHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN. --LAGI 1318/MD

ZCIC 8544

MAHATHIR - BUMIPUTERA 3 KUALA LUMPUR

KERAJAAN DAPAT MEMBANTU MENGADAKAN KEMUDAHAN DAN PELUANG DAN MENJADI PELANGGAN DI BIDANG-BIDANG YANG KURANG SAMBUTAN DARI ORANG RAMAI.

TETAPI BANYAK PERUSAHAAN BUMIPUTERA GAGAL KERANA KELEMAHAN PENGURUSAN, TAMBAHNYA.

PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA HENDAKLAH BELAJAR DARI RAKAN PERKONGSIAN. MASING-MASING SEGALA TEKNIK PENGURUSAN TERMASUK PEMILIHAN PERALATAN DAN JENTERA YANG SESUAI UNTUK SESUATU PROJEK.

DENGAN PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN ITU, MEREKA MUNGKIN DAPAT MELAKSANAKAN SENDIRI SEBARANG PROJEK TANPA RAKAN PERKONGSIAN DI MASA HADAPAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR LALU MENEGASKAN SEGOLONGAN USAHAWAN BUMIPUTERA HANYA MEMENTINGKAN KEUNTUNGAN DIRINYA SENDIRI TANPA MEMPERHITUNGKAN SAMA ADA RAKAN SEPERKONGSIANNYA RUGI ATAU SELURUH PROJEK USAHASAMA ITU GAGAL.

ADA YANG MENETAPKAN KEUNTUNGAN SEKIAN PERATUS ATAU SEKIAN JUTA SEBELUM PUN SESUATU PROJEK ITU DIMULAKAN DAN MENYERAHKAN SEGALA PEKERJAAN MELAKSANAKAN PROJEK ITU KEPADA RAKAN BERKENAAN. --LAGI 1325/MD

MAHATHIR-BUMIPUTERA 4 KUALA LUMPUR

USAHA PERNIAGAAN SEUMPAMA INI BUKANLAH PERNIAGAAN SEBENAR TETAPI HANYA MERUPAKAN PERNIAGAAN ATAS KOMISYEN, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEORANG USAHAWAN YANG SANGGUP BEKERJA 24 JAM SEHARI DAN LURUS TIDAK AKAN MENGHADAPI KESULITAN UNTUK MENGEMBANGKAN PERNIAGAANNYA.

IA HARUS TEPATI JANJI DAN IKRARNYA UNTUK MENYIAPKAN SESUATU PROJEK DALAM TEMPOH YANG DITENTUKAN, KATANYA.

BANK-BANK TIDAK AKAN RAGU-RAGU MEMBERI PINJAMAN KEPADANYA SEKIRANYA IA LURUS DALAM PEMBAYARAN PINJAMAN BALIK.

PERDANA MENTERI BERKATA BUMIPUTERA YANG GAGAL MEMBAYAR BALIK PINJAMAN KEPADA BANK SEPATUTNYA DIKENAKAN HUKUMAN LEBIH TINGGI DAN PEMINJAM BUKAN BUMIPUTERA.

MEREKA BUKAN SAHAJA MEMALUKAN SYARIKAT DAN DIRI SENDIRI SAHAJA TETAPI SELURUH MASYARAKAT USAHAWAN BUMIPUTERA DAN MENJEJASKAN PELUANG MEREKA MENDAPAT PINJAMAN DAN KEPERCAYAAN UNTUK MELAKSANAKAN SESUATU PROJEK SWASTA. - LAGI 1337/ZCM

MAHATHIR-BUMIPUTERA 5 KUALA LUMPUR

KAUM BUMIPUTRA HARUS MEMBUKTIKAN KEPADA MASYARIKAT LAIN BAHAWA MEREKA MAMPU DAN CEKAP UNTUK MENGENDALIKAN SEBARANG PROJEK INDUSTRI SETANDING DENGAN KAUM LAIN JIKA TIDAK LEBIH BAIK.

DENGAN DEMIKIAN BARULAH MARUAH BANGSA DAPAT DIPELIHARA DAN DIHORMATI OLEH ORANG LAIN, KATANYA. -- BERNAMA 1348/ZCM